

BERITA ONLINE

BERITA HARIAN

TARIKH: 14 OKTOBER 2022 (JUMAAT)



## Cradle salur RM8.24 juta geran CIP Spark, CIP Sprint untuk 28 startup

Oktober 14, 2022 @ 7:45pm



Antara penerima geran CIP Spark & CIP Sprint kendalian Cradle Fund.

KUALA LUMPUR: Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), memperkasa ekosistem syarikat pemula tempatan (startup) tempatan dengan meluluskan 28 permohonan untuk tiga kumpulan pertama di bawah program CIP Spark & CIP Sprint berjumlah RM8.24 juta hingga September 2022.

Dilancarkan pada Mac tahun ini, kedua-dua geran bersyarat ini telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) dengan misi menyokong perkembangan holistik dan

pengkomersialan startup melalui pelbagai servis nilai tambah untuk mempersiapkan dan menyediakan mereka dengan pembangunan model perniagaan, penerimaan dan akses pasaran.

Ketika sesi ramah mesra bersama penerima geran Cradle, Naib Presiden Kanan, Geran Cradle, Juliana Jan, berkata 28 startup yang dipilih terdiri daripada pelbagai industri telah menunjukkan potensi yang besar dari segi penggunaan kemajuan teknologi, inovasi model perniagaan serta solusi penyesuaian pasaran.

Katanya, penganugerahan geran itu akan menjadi penghubung untuk mereka terus membangun dan mengukuhkan produk mereka, mendapatkan maklum balas mengenai pasaran mereka dan membantu dalam proses pengkomersialan dan akses kepada pasaran sebelum mereka memasuki proses mendapatkan pelaburan lanjut.

"Cradle, sebagai agensi fokal untuk ekosistem startup di peringkat awal melihat penganugerahan geran ini adalah sebagai satu langkah keyakinan dan usaha yang proaktif selari dengan aspirasi kerajaan untuk dikenali sebagai hub startup yang kompetitif.

"Cradle akan terus menyokong dan memperkasa ekosistem startup tempatan dengan mengetengahkan antara masalah paling utama bagi startup di peringkat awal, iaitu pembiayaan. Dengan menawarkan syarikat-syarikat ini dengan geran pembangunan, kami percaya ia akan membantu mereka melepasi fasa 'valley of death' dalam kitaran kemandirian startup kerana kami membantu mereka mempercepatkan proses pengkomersialan produk," katanya.

Pada sesi ramah mesra berkenaan, sebelas startup telah diumumkan sebagai penerima kumpulan pertama. Mereka ialah Beebag iaitu syarikat perusahaan sosial yang menyasar untuk mengurangkan penggunaan plastik pakai buang. Dengan penggunaan beg kitar semula dan aplikasi telefon, syarikat ini ingin menggalakkan penggunaan beg kitar semula melalui gamifikasi dan ganjaran.

\* Platform CoKeeps bertindak sebagai pihak ketiga berkendiri, memantau aktiviti aset digital di pasaran modal melalui penjagaan dan servis tokenisasi.

\* Officio.work ialah aplikasi ruang kerja digital direka untuk membantu perniagaan kecil melalui proses pemodenan operasi mereka dengan menyediakan perisian yang membolehkan mereka menguruskan operasi harian, pekerja dan klien, tanpa perlu bertukar antara pelbagai aplikasi atau pengurusan sendiri menerusi pakej yang lebih menjimatkan kos.

\* Apping Technology Sdn Bhd (Apping Technology) menyediakan templat perisian atau solusi perniagaan yang dibuat khas untuk digitalisasi dan automasi projek. Mereka membantu klien mereka untuk mempercepat proses perniagaan, meningkatkan tahap kecekapan di samping mengumpul data perniagaan bagi penambahbaikan operasi syarikat dan seterusnya, meningkatkan pendapatan syarikat.

\* GreenQR memperkenalkan teknologi peruncitan 5.0 terbaharu iaitu OMO. OMO ialah naiktaraf daripada konsep popular O2O yang membawa maksud Online Merge Offline. Ia adalah perisian SAAS pertama bagi sistem daftar keluar sendiri di dalam bentuk laman sesawang dan aplikasi telefon.

\* Cloud Theatre - Satu platform komprehensif yang menawarkan pengalaman teater digital secara langsung dan servis jualan tiket bagi komuniti seni persembahan. Penonton boleh menonton persembahan teater secara atas talian mengikut fleksibiliti masa mereka. Pemilik teater juga kini mempunyai pilihan untuk menjual tiket mereka secara atas talian dan di teater secara terus.

\* De Eco SR Hygiene - EcoDifesa ialah pembasmi kuman bagi udara dan permukaan yang mampu melindungi sehingga 12 bulan.

\* Pinetop Technologies menyediakan platform pendigitalan Fleetata yang mempermudah rangkaian logistik rantai bekalan. Solusi ini dibina khas untuk penyedia servis logistik seperti syarikat lori dan pembekal di dalam rantai bekalan.

\* CoreHalal ialah solusi halal digital yang komprehensif direka bagi merencanakan lagi ekosistem Halal dan menghapuskan masalah yang dihadapi industri halal. Corehalal ialah syarikat penyedia halal bagi pembangunan kapasiti, proses audit dan sistem pengesahan halal.

\* 10 Delyva Delyva ialah syarikat tempahan pelbagai kurier penghantaran bagi e-dagang dan perniagaan ekspres. Pemilik perniagaan kini boleh memilih kurier pilihan mereka bagi setiap pesanan dan membolehkan pelanggan mereka sendiri untuk memilih kurier pilihan mereka di samping berkomunikasi dengan lebih baik dengan para pelanggan.

\* Roadplus ialah sistem pengurusan aset lebu raya yang dikuasakan oleh kecerdasan buatan (Ai). RoadPlus menawarkan pemeriksaan jalan automatik, laporan ringkas dan platform kos rendah di mana tiada pelaburan besar diperlukan dalam perbelanjaan permulaan ataupun operasi.

CIP SPARK adalah geran pembangunan bersyarat yang menawarkan pembiayaan sehingga 18 bulan dan terbuka kepada individu, syarikat persendirian, syarikat perkongsian liabiliti terhad (LLP) dan syarikat Sendirian Berhad.

CIP SPRINT pula adalah geran pengkomersialan boleh ubah bersyarat yang menawarkan pembiayaan sehingga 18 bulan dan terbuka kepada syarikat Sendirian Berhad, termasuk universiti dan institut kajian.